

07 APR 2001

Mahathir-Puteri

PUTERI UMNO BUKAN UNTUK WUJUDKAN KUMPULAN LAIN DALAM UMNO

IPOH, 7 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa penubuhan Puteri Umno bukanlah untuk mewujudkan satu lagi kumpulan untuk wanita dalam Umno selain Pergerakan Wanita yang sedia ada.

"Tujuan Puteri Umno diadakan adalah untuk menambah pembabitan wanita dalam Umno. Ia ditubuhkan untuk menarik lebih ramai golongan muda dari kalangan wanita menyertai Umno," katanya pada sidang berita di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di sini hari ini di akhir lawatan dua harinya ke Perak.

Perdana Menteri berkata Pergerakan Wanita tidak menghadapi masalah dengan penubuhan Puteri Umno dan menerima baik penubuhannya kerana ia menyediakan alternatif kepada wanita berumur di bawah 35 tahun sama ada untuk menyertai Puteri Umno atau Pergerakan Wanita.

Mereka yang menyertai Puteri Umno ini akan diberi penjelasan tentang semangat dan tradisi Umno supaya mereka sedar akan perjuangan Umno, katanya.

"Golongan yang menyertai Puteri Umno ini adalah pelapis yang akan mengambil alih kepimpinan (Pergerakan) Wanita apabila pimpinan yang ada sekarang ini sudah tua," kata Dr Mahathir

Beliau berkata apa yang dibangkitkan oleh Ketua Wanita Umno Datuk Deri Rafidah Aziz baru-baru ini ialah supaya Puteri Umno jangan cuma mengambil orang muda yang sedia ada dalam pergerakan itu sebagai ahli kerana Umno mahukan ahlinya bertambah .

"Kalau ambil ahli yang sedia ada dalam Pergerakan Wanita tak adalah pertambahan ahli dalam Umno. Ini yang dimaksudkan oleh Ketua Wanita.

"Beliau (Ketua Wanita) bukannya bermaksud tidak menerima Puteri Umno tetapi beliau tidak mahu wujud dua kumpulan untuk golongan wanita. Sebenarnya sasaran kumpulan satu lagi (Puteri Umno) adalah untuk golongan yang lebih muda," katanya.

-- BERNAMA

KAY MAI